

● Pecah amanah RM49.7 juta wang NFC ● Mengaku tidak bersalah

# Salleh didakwa

● Pengerusi Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp), Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam atas dua tuduhan pecah amanah melibatkan wang RM49.7 juta dan dua tuduhan melanggar Akta Syarikat 1965, tiga tahun lalu.

● Bagi tuduhan pertama Mohamad Salleh, 64, didakwa menyalahgunakan RM9,758,140 milik NFCorp untuk membiayai sebahagian daripada pembelian dua unit kondominium One Menerung, Parcel B1-1 dan B1-2, Blok B, Bangsar antara 1 dan 4 Disember 2009.

● Dia juga didakwa menyalahgunakan RM40 juta milik NFCorp dengan memindahkan wang tersebut ke dalam akaun Malayan Banking Bhd. cawangan Solaris, Mont Kiara milik National Meat & Livestock Corporation Sdn. Bhd. bagi kegunaan syarikat itu.

● Mohamad Salleh yang juga suami kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan dan denda.

● Dia turut didakwa atas dua tuduhan mengikut Akta Syarikat 1965 kerana melakukan kedua-dua transaksi tersebut tanpa kebenaran mesyuarat agung NFCorp pada tarikh dan tempat yang sama.

**BERITA DI MUKA 4**